

06/10/1997

TIPK jadi kenyataan

Nik Yahya Abdul Rahman

SATU lagi impian negeri Kedah menjadi kenyataan apabila Taman Industri Perikanan Lembah Merbok dirasmikan baru-baru ini. Pewujudan taman tersebut adalah antara usaha kerajaan negeri Kedah di dalam membangunkan masyarakat nelayan sekaligus sektor perikanan negeri tersebut.

Tidak dapat dinafikan pembangunan ekonomi negeri Kedah berkembang pesat di dalam pelbagai bidang termasuklah pertanian, pendidikan, pelancongan, pengangkutan, perindustrian dan tidak kurang hebatnya sektor perikanan.

Pelbagai usaha dilaksanakan oleh kerajaan Kedah di dalam membangunkan masyarakat nelayan sekaligus sektor perikanan tersebut.

Di antara projek-projek yang dilaksanakan dengan jayanya ialah projek menternak udang harimau di Bukit Malut, Langkawi dan Pantai Merdeka Tanjung Dawai, Kompleks Perikanan di Kuala Kedah, Kawasan Pembangunan Nelayan, (KPN) Langkawi dan Yan/Kota Kuala Muda.

Taman Industri Perikanan yang dirasmikan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid di Pelabuhan Perikanan Tanjung Dawai, membuktikan kesungguhan kerajaan negeri dalam usaha membela nasib kaum nelayan di negeri itu. Taman tersebut adalah satu pelaksanaan idea Menteri Besar semasa beliau menerajui Kementerian Pertanian lagi. Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Malaysia (LKIM) Megat Muhaiyadin Hassan berkata, pewujudan Taman Industri Perikanan Lembah Merbok merupakan projek pertama diwujudkan di negara ini. "Taman ini adalah pelengkap kepada senario pembangunan sektor perikanan negara", ujarnya. Tambah beliau ini adalah selaras dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang ingin mewujudkan masyarakat nelayan yang maju dan mampu bersaing dengan golongan lain di dalam menjayakan gagasan perdana, Wawasan 2020.

Taman Industri Perikanan Lembah Merbok melibatkan lima buah perkampungan nelayan yang berpusat di muara Sungai Merbok di mana di sebelah timurnya ialah Kampung Teluk Air, menghala ke barat laut melalui Singkir dan penghujung ialah Pulau Bidan dan Daerah Yan.

Di bahagian selatan pula ialah kawasan Pulau Sayak.

Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Tanjung Dawai yang memainkan peranan penting sebagai paksi utama di dalam menjayakan projek berkenaan yang dijangkakan memberi faedah langsung kepada 1,500 orang nelayan setempat.

Sejak 14 tahun KPN Yan/Kuala Muda diwujudkan beberapa kemudahan pembangunan masyarakat nelayan telah dilaksanakan di kawasan berkenaan, diantaranya pembangunan akuakultur (ternakan ikan/udang dalam kolam), kilang makanan udang, Projek Penetasan Udang Laut Kebangsaan Pulau Sayak, ternakan kerang dan siput).

Selain itu, PNK Tanjung Dawai juga membina kompleks pendaratan ikan, mengatur penempatan semula nelayan dan pembangunan agrotourism (chalet terapung dan medan ikan bakar).

Pembangunan secara bersepadu ini telah berjaya meningkatkan taraf hidup nelayan di sekitar Lembah Merbok dan diyakini masih boleh ditingkatkan bagi memenuhi kriteria, falsafah dan konsep "satu kampung satu produk" (SKSP) yang dihasrat oleh kerajaan.

Diantara aktiviti SKSP yang dilaksanakan oleh nelayan setempat dan kerjasama syarikat swasta, termasuklah pemprosesan hasil perikanan seperti membuat belacan, keropok, ikan kering/bilis, bebola ikan secara industri belakang rumah (backyard) di Tanjung Dawai, ternakan ikan di dalam sangkar di Tanjung Dawai, Kampung Batu Lintang dan Kampung Teluk Air, pembinaan bot-bot kecil dan sampan di Tanjung Dawai, peniagaan input perikanan PNK

Tanjung Dawai dan ternakan udang harimau dalam kolam.

Selain itu, aktiviti SKSP yang dimajukan oleh jabatan dan agensi kerajaan ialah projek ternakan udang harimau LKIM projek kilang makanan udang LKIM, projek pendederan/penetasan benih udang/ikan LKIM dan projek ternakan ikan dalam sangkar. Bagi memperlengkapkan program pembangunan bersepadu di taman berkenaan, pihak kerajaan akan melaksanakan program industri kecil dan sederhana merangkumi beberapa komponen industri hiliran termasuk lah pusat pemprosesan hasil perikanan, pembaikan bot atau slipway dan pembinaan bot. Kedua-dua projek berkenaan dijangka membabitkan peruntukan sebanyak RM20 juta.

Program ini akan disertai oleh nelayan dan syarikat swasta serta PNK Tanjung Dawai dengan sokongan LKIM.

Pembangunan agrotourism bagi meningkatkan pendapatan para nelayan akan digiatkan secara serius di kawasan Tanjung Dawai dengan mewujudkan chalet atas air, restoran nelayan dan kelong yang akan menarik minat pelancong berkunjung kawasan berkenaan dijangka melibatkan peruntukan RM11 juta. Megat Muhaiyadin juga berkata, di antara pembangunan masa depan yang akan dilaksanakan secara giat dan mapan di taman berkenaan ialah projek industri kecil dan sederhana (IKS) di Tanjung Dawai; Projek Agrotourism di Tanjung Dawai; Estet lkan Dalam Sangkar di Pulau Bidan; Muzium Akualkultur; Sekolah Teknikal Perikanan, kilang memproses udang dingin beku dan kilang memproses makanan udang (pembesaran).

Beliau seterusnya berharap nelayan setempat, PNK Tanjung Dawai dan syarikat swasta yang terlibat di dalam pembangunan projek ini bekerjasama supaya ia dapat berjalan lancar. Projek taman berkenaan menjadikan pekan Tanjung Dawai akan terkenal sebagai bandar perikanan terkemuka di rantau ASEAN.

(END)